



## **KERAJAAN MALAYSIA**

---

**Terimaan Kerajaan Secara Elektronik Melalui  
Perbankan Internet Dan Perbankan Mudah Alih**

---

**PERBENDAHARAAN MALAYSIA**

## KANDUNGAN

<b>PS 2.3 Terimaan Kerajaan Secara Elektronik Melalui Perbankan Internet Dan Perbankan Mudah Alih.....</b>	<b>2</b>
<b>1. Tujuan.....</b>	<b>2</b>
<b>2. Pelaksanaan Terimaan.....</b>	<b>2</b>
<b>3. Caj Perkhidmatan.....</b>	<b>2</b>
<b>4. Syarat Pelantikan Institusi Kewangan (Bank).....</b>	<b>3</b>
<b>5. Perakaunan Terimaan.....</b>	<b>4</b>
<b>6. Tempoh Pemindahan Wang.....</b>	<b>4</b>
<b>7. Akuan Pembayaran.....</b>	<b>4</b>

## **PS 2.3 Terimaan Kerajaan Secara Elektronik Melalui Perbankan Internet Dan Perbankan Mudah Alih**

### **1. Tujuan**

- 1.1 Pekeliling Perbendaharaan ini bertujuan untuk menerangkan peraturan dan pelaksanaan terimaan secara elektronik melalui perbankan internet dan perbankan mudah alih.
- 1.2 Perbankan internet merupakan pembayaran melalui portal bank bagi urusan Kerajaan. Perbankan mudah alih merupakan pembayaran melalui aplikasi bank dengan menggunakan peranti mudah alih.

### **2. Pelaksanaan Terimaan**

- 2.1 Terimaan melalui perbankan internet atau perbankan mudah alih dilaksanakan dengan menggunakan pindahan dana daripada akaun bank pembayar secara Electronic Fund Transfer (EFT) atau JomPAY, kad kredit dan kad caj American Express (Amex).
- 2.2 Bagi terimaan hasil, pembayaran boleh dibuat melalui EFT, JomPAY, kad kredit dan kad caj American Express (Amex). Manakala bagi terimaan bukan hasil, kaedah pembayaran secara EFT sahaja yang dibenarkan.

### **3. Caj Perkhidmatan**

- 3.1 Caj perkhidmatan untuk terimaan hasil akan ditanggung oleh Kerajaan (kecuali Lembaga Hasil Dalam Negeri dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia). Manakala caj perkhidmatan untuk terimaan bukan hasil seperti pembayaran balik pinjaman perlu ditanggung oleh pembayar.

3.2 Kadar caj perkhidmatan yang ditetapkan adalah seperti berikut:

<b>Mod Pembayaran</b>	<b>Kadar Caj Perkhidmatan</b>
EFT <i>Customer to Government (C2G)</i> <i>Business to Government (B2G)</i>	Tidak melebihi RM0.50 bagi setiap transaksi Tidak melebihi RM1.00 bagi setiap transaksi
<b>JomPAY</b>	<b>Tidak melebihi RM0.40 bagi setiap transaksi</b>
Kad kredit	Tidak melebihi 1.0% atas nilai transaksi
Kad caj Amex	Tidak melebihi 1.0% atas nilai transaksi

3.3 Selain daripada caj perkhidmatan tersebut di atas, tiada caj lain boleh dikenakan oleh bank. Kementerian atau Jabatan hendaklah menyediakan peruntukan bagi menanggung caj perkhidmatan yang dikenakan.

#### 4. Syarat Pelantikan Institusi Kewangan (Bank)

4.1 Kementerian atau Jabatan perlu melantik satu bank bagi urusan terimaan Kerajaan.

4.2 Pelantikan bank boleh dibuat kepada mana-mana bank yang:

- i. Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013;
- ii. Mempunyai ibu pejabat atau tempat perniagaan utamanya di Malaysia; dan
- iii. Di bawah kawalan tempatan.

4.3 Tertakluk kepada peraturan di bawah pekeliling ini, format perjanjian yang disediakan oleh pihak bank boleh diguna pakai bagi pelaksanaan pungutan ini.

## **5. Perakaunan Terimaan**

- 5.1 Bank yang dilantik untuk mengendalikan terimaan melalui kaedah e-Pembayaran hendaklah menyerahkan amaun kasar yang dipungut kepada Kementerian atau Jabatan tanpa menolak apa-apa caj yang dikenakan.
- 5.2 Bagi terimaan hasil, pihak bank hendaklah mengemukakan tuntutan melalui invoice kepada Kementerian atau Jabatan untuk bayaran caj perkhidmatan. Manakala bagi terimaan bukan hasil caj perkhidmatan hendaklah dikenakan kepada pembayar.
- 5.3 Kementerian atau Jabatan hendaklah merujuk tatacara pengurusan dan perakaunan terimaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia sebagai panduan.

## **6. Tempoh Pemindahan Wang**

Pihak bank hendaklah memindahkan terimaan yang dipungut kepada Akaun Terimaan Utama Pejabat Perakaunan dalam tempoh satu (1) hari bekerja selepas hari transaksi (T + 1).

## **7. Akaun Pembayaran**

Akaun pembayaran melalui perbankan internet dan perbankan mudah alih dari paparan portal bank dianggap sebagai bukti transaksi pembayaran.